

Turut menampilkan pelajar, kakitangan sebagai penyampai mulai 1 Julai lalu

Radio UMS 'Bukan Sekadar Muzik'



Oleh SITI NOR AZIZAH TALATA
utusansabah@utusan.com.my

KOTA KINABALU 6 Julai – Radio merupakan saluran media massa yang berkesan dalam menyebarkan maklumat kepada orang ramai khususnya golongan muda.

Menyedari kepentingan radio, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengorak langkah mewujudkan radio kampus yang diyakini mampu memberi impak besar terhadap perkembangan universiti itu.

Sehubungan itu, satu jalinan kerjasama di antara UMS dan Jabatan Penyiaran Malaysia telah dimeterai sekali gus mewujudkan radio UMS dikenali KKFM.

Pelancaran KKFM dirasmikan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Ampon (gambar) di Dewan Canselori UMS baru-baru ini.

KKFM yang bersiaran melalui frekuensi

91.1 megahertz menggunakan tema 'Bukan Sekadar Muzik' bagi mencerminkan bahawa radio berkenaan bukan sekadar hiburan semata-mata.

Salah seorang penyampai radio KKFM, Albert Thien, 22, berkata, KKFM mengetengahkan pelbagai info menarik dan berita-berita kampus di samping mengupas isu-isu semasa di peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh negara.

"Selain itu, kami juga melaporkan peristiwa penting yang berlaku di sekitar Kota Kinabalu untuk maklumat pendengar," kata penuntut tahun dua Ijazah Pengajian Kewartawanan dan Komunikasi itu.

Albert merupakan antara empat penyampai KKFM yang bertugas di stesen radio itu secara sambilan.

Katanya, KKFM merupakan salah satu gelanggang awal baginya mencari pengalaman sebagai seorang penuntut dalam bidang ke-

wartawanan dan komunikasi.

Namun, katanya, walaupun pertama kali bertugas sebagai penyampai radio ia tidak menjadi masalah kerana dia pernah menjadi pengacara bagi beberapa majlis di kampusnya.

"Apa yang penting, kita boleh berinteraksi bersama pendengar tetapi kita tidaklah boleh terlalu formal. Kita perlu lebih relaks agar pendengar tidak bosan," katanya yang bertugas sebagai penyampai radio Bahasa Inggeris.

Radio KKFM beroperasi secara rasmi pada 1 Julai lalu dan dikendalikan oleh kakitangan UMS yang berpengalaman serta gabungan penuntut di Sekolah Sains Sosial dan Sekolah Pengajian Seni UMS.

Seorang lagi penyampai radio, Asiah Nor-din, 21, berkata, siaran radio itu boleh diikuti di kawasan Kota Kinabalu, Telipok, Sepanggar, Menggatal, Inanam dan Penampang bermula pada pukul 6 pagi hingga 8 malam.

"Buat masa ini siarannya meliputi dua

bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan Inggeris. Para pendengar terutama warga kampus boleh berinteraksi dengan kami melalui telefon, e-mel dan laman sosial *Facebook*," katanya yang berasal dari Beaufort.

Asiah yang juga penuntut tahun dua program Ijazah Kewartawanan dan Komunikasi menambah, kewujudan KKFM akan menyediakan peluang kepada pelajar tahun akhir dalam pengajian berkaitan komunikasi menjalani praktikal di situ.

Seorang lagi penyampai radio, Siti Haziyah Abdullah, 22, berkata, KKFM mampu melahirkan ramai penyampai radio yang berbakat besar dalam bidang penyiaran.

"Kami sangat berbangga apabila UMS mewujudkan stesen radio sendiri. Kami berharap para pendengar yang dapat mengikuti siaran ini akan terhibur dengan KKFM," ujar penuntut tahun tiga bidang kewangan dan perbankan itu.